

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(A)25

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB. LEE KHAI LOON**

25. Sejauh manakah kemunasabahan dari segi undang-undang untuk Kedah menuntut RM100 juta setahun sebagai royalti pajakan Pulau Pinang?
- (a) Selain daripada tidak melayan tuntutan negeri Kedah, apakah usaha dan strategi Kerajaan Negeri dalam menangani isu diplomasi di antara Pulau Pinang dengan Kedah?

JAWAPAN OLEH Y.A.B KETUA MENTERI

25. Persoalan yang dibangkitkan oleh YB. ADUN Permatang Pasir, YB. ADUN Batu Uban dan YB. ADUN Machang Bubuk menyentuh isu-isu Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri di mana Negeri Pulau Pinang adalah sebuah negeri berdaulat dalam Persekutuan Malaysia sejak kemerdekaan pada tahun 1957. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang tiada apa-apa keperluan untuk mempertimbangkan apa-apa tuntutan dari Kerajaan Negeri Kedah.

Berhubung soalan ini, pihak Kerajaan Pulau Pinang berpandangan untuk tidak memberi sebarang jawapan kepada soalan tersebut berdasarkan kepada subperaturan 25(6) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang memandangkan hal perkara yang disoal adalah di bawah kawalan Kerajaan Persekutuan.

Kerajaan Negeri menyarankan supaya apa-apa dakwaan berhubung isu Pulau Pinang milik Kedah tersebut sewajarnya dicermati dan diberi penilaian secara mendalam dan menyeluruh dari aspek undang-undang agar tidak menimbulkan kekeliruan dan kegelisahan yang tidak perlu di kalangan rakyat, khasnya rakyat di Kedah dan Pulau Pinang